

Minda Pengarang

MOHD. RADZI MOHD. ZIN



Memastikan kos haji pun harga rahmah

UM 9/11/2023 KLB: 2

SABAN tahun kos menunaikan ibadat haji meningkat. Sejak tahun 2001 hingga 2022, kosnya meningkat 198 peratus. Sebahagian besar iaitu 64 peratus bagi menanggung kos penginapan dan penerbangan sewa khas haji dan 36 peratus lagi untuk perkhidmatan di Arab Saudi.

Kos haji pada 2022 ialah RM28,632 sebelum ia meningkat kepada RM30,850 pada tahun ini. Sebelum itu, iaitu pada 2021, kos ke Tanah Suci ditetapkan pada RM25,000.

Sebab itu, kita mengalu-alukan langkah Lembaga Tabung Haji (TH) memeterai perjanjian kontrak jangka panjang melibatkan beberapa perkhidmatan di Arab Saudi bagi mengelakkan harganya meningkat setiap tahun sebagai usaha mengawal peningkatan kos haji.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, perjanjian kontrak jangka panjang itu antara lain dimeterai dalam aspek penerbangan, penginapan dan sajian makanan

Setakat Jun lalu, umat Islam yang baru mendaftar haji perlu menunggu sehingga 148 tahun sebelum tiba giliran untuk menunaikan rukun Islam kelima itu. Ketika ini terdapat 3.8 juta individu yang telah mendaftar. Sedangkan kuota diberikan oleh Arab Saudi ialah 31,600 jemaah setiap tahun.

Memanglah antara syarat menunaikan haji adalah berkemampuan atau istit'wah dan TH pun menyediakan subsidi kepada golongan B40 dan M40. Namun, semua orang Islam pasti menanam impian untuk menunaikan haji bagi melengkapkan rukun Islam kelima.

Tidak dinafikan ada faktor yang di luar kawalan TH seperti kadar inflasi dan percukaian di Arab Saudi, kadar tukaran mata wang ringgit berbanding riyal dan dolar.

Selain itu, banyak hotel sederhana dan ekonomi yang telah dirobuhkan dan diganti dengan hotel-hotel mewah berikutan proses pembesaran di Mekah dan Madinah yang memberi tekanan kepada harga sewaan.

Menjadi harapan sebahagian besar umat Islam agar kos menunaikan haji juga kekal pada harga rahmah atau berpatutan. Bakal haji pun sudah membuktikan yang mereka faham dengan isu istit'wah apabila hampir 500 jemaah haji musim 2022 dan 2023 dalam kalangan B40 dan M40 menolak Bantuan Kewangan Haji.

Dalam masa sama, kita mengharapkan nilai ringgit akan kembali mengukuh berbanding dolar Amerika kerana ia turut mempengaruhi kadar tukaran dengan riyal Arab Saudi.

Yang selalu terjadi, bila harga dah naik, ia susah nak turun.